

Penterjemahan Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam Proses Tindakan Guru Bahasa Iban Baharu dan Berpengalaman Bukan Opsyen (The Application of the Pedagogical Content Knowledge Among not an Opstion New and Experienced Iban Language Teachers)

MAGDELINE ANAK NOR* & ZAMRI MAHAMOD

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui cara pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) dilaksanakan dalam bentuk penaakulan pedagogi dan tindakan guru semasa proses pengajaran di dalam bilik darjah. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Tiga orang guru bahasa Iban dari PPD Subis dan seorang dari PPD Miri telah menjadi peserta kajian kes, iaitu terlibat dalam temu bual dan pemerhatian. Data kajian berbentuk transkrip temu bual dianalisis secara teliti dengan bantuan perisian Nvivo 9. Dapatan kajian menunjukkan kesemua guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman melalui kesemua tahap proses tindakan pengajaran guru, iaitu peringkat kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian, refleksi dan kefahaman baharu. Faktor pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Iban telah membentuk corak pengajaran yang berbeza antara guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman bukan opsyen dalam setiap peringkat perkembangan pengajaran. Hal ini kerana mereka bukan guru yang pengkhususan dalam mata pelajaran Bahasa Iban. Guru baharu merujuk guru bahasa Iban yang lebih berpengalaman semasa membuat persediaan sebelum mengajar. Manakala guru bahasa Iban berpengalaman pula merujuk kepada generasi tua untuk mendapat jawapan bagi persoalan mereka. Implikasi kajian ini menunjukkan tidak timbul isu guru tidak pandai mengajar bahasa Iban. Pengetahuan isi kandungan dan PPK pengajaran guru bahasa Iban boleh dikembangkan serta dimantapkan melalui latihan secara berterusan.

Kata kunci: Pengetahuan pedagogi kandungan, Bahasa Iban, Guru bahasa Iban, Pengajaran bahasa Iban, Kajian kes

ABSTRACT

This study aims to examine how the pedagogical content knowledge (PPK) was applied in the form of pedagogical reasoning and action of teachers in the teaching process in the classroom. A case-study method was employed. Three Iban language teachers from PPD Subis and one from Miri were selected as the participants. After their consent was obtained, they were interviewed and observed. The interview transcripts was analysed using Nvivo 9. The results showed that almost all Iban language teachers, new and experienced, went through the levels of teaching processes; in terms of the level of understanding, transformation, action, evaluation, reflection and new understanding. The experience in teaching the Iban language provides all the teachers different experiences while teaching at every stage of teaching process because they were not initially teachers who specialized in Iban language. Most of the new teachers refer to the experienced teacher for preparing of their lesson plan. While experienced Iban language teacher always referring to the old generation to get the answer for their confusion. The implication of this study shows that every teacher can teach Iban language as long as they are doing more exercises on pedagogy.

Keywords: Pedagogical content knowledge, Iban language, Iban language teachers, Iban language teaching, Case study

PENGENALAN

Kepelbagaian kaum di Malaysia telah melahirkan bahasa dan juga dialek yang berbeza dalam kalangan rakyatnya. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu telah dijadikan sebagai Bahasa Kebangsaan dan digunakan secara meluas di seluruh Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam kalangan rakyatnya yang berbilang kaum. Penggunaan bahasa Melayu tidak mengesetipikan penggunaan bahasa

Inggeris. Bahasa Inggeris turut diajar sebagai bahasa kedua di semua sekolah yang terdapat di Malaysia. Bahasa Cina dan bahasa Tamil juga diajar dengan meluas sehingga tertubuhnya sekolah-sekolah aliran bahasa Cina dan juga bahasa Tamil (Bernama 2007). Selain bahasa Melayu, Cina dan India, bahasa etnik juga turut diajar di sekolah yang terdapat di Malaysia. Setakat ini terdapat tiga bahasa etnik yang sudah ditawarkan di sekolah-sekolah kerajaan, iaitu bahasa Iban, bahasa Kadazandusun dan bahasa Semai.

Bahasa Iban ditawarkan di sekolah-sekolah yang terdapat di Sarawak, bahasa Kadazandusun ditawarkan di negeri Sabah dan bahasa Semai pula ditawarkan di negeri Perak dan Pahang (Unit Bahasa Etnik 2007b). Jika dahulu bahasa Iban pernah disebut sebagai dialek bahasa Melayu pada tahun 1950-an kerana ia terdiri daripada lebih daripada 60% bahasa Melayu. Namun kini, mata pelajaran Bahasa Iban telah menjadi satu mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah. Tahun 2008 julung-julung kalinya mata pelajaran Bahasa Iban diuji dalam peperiksaan SPM (Magdeline 2008).

Pembelajaran murid yang berkesan selalu dikaitkan dengan pengajaran guru yang berkesan. Hal ini kerana pengetahuan dan kepercayaan guru terhadap pengajarannya akan mempengaruhi corak pembelajaran murid-muridnya (Solis 2009). Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban, tidak dapat dinafikan pengetahuan dan pengajaran guru akan mempengaruhi corak pembelajaran murid Iban (Magdeline 2008). Oleh sebab itu, Shulman (1987) berpendapat Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) menjadi teras pengetahuan guru yang terpenting. Pengetahuan kandungan merujuk kepada bidang pengetahuan guru tentang isi kandungan mata pelajaran Bahasa Iban, manakala pengetahuan pedagogi pula adalah berkaitan dengan pengetahuan mengenai strategi pengajaran yang khusus.

PENGETAHUAN PEDAGOGI KANDUNGAN

Shulman (1987) pernah mencadangkan cara untuk mengetahui keberkesanan dan kepakaran guru, iaitu dengan memberi tumpuan kepada proses pengajaran guru tersebut. Oleh itu, proses pengajaran guru bahasa Iban juga akan diberi tumpuan untuk memastikan keberkesanan pengajaran guru bahasa Iban di Sarawak. Sebelum ini, terdapat ramai penyelidik yang telah menggunakan saranan beliau seperti Grossman (1989) dalam kajiannya terhadap mata pelajaran Bahasa Inggeris, Lilia et al. (2001) dalam kajian mereka terhadap mata pelajaran Fizik, Zaidah (2005) dalam kajiannya terhadap mata pelajaran Matematik Tambahan, Tengku Zawawi (2005), Elif & Sibel (2007), Yusminah & Effandi (2010) dalam kajian mereka bertiga terhadap mata pelajaran Matematik, Yusminah (2012) dalam kajiannya terhadap mata pelajaran Matematik, Ahmah Yunus (2011) dalam kajiannya terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, Abd. Shatar (2007) dalam kajiannya terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral, Cox (2008) dalam kajiannya terhadap mata pelajaran Teknologi, Abdul Aziz (2008) dalam kajiannya terhadap mata pelajaran Biologi, Muhammet (2009) dalam kajiannya terhadap mata pelajaran Sains dan Teknologi dan, Nurul Hudaa et al (2010) pula dalam kajian mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Arab.

Penyelidik-penyelidik tersebut telah menggunakan teras yang diperkenalkan oleh Shulman, iaitu *Pedagogical*

Content Knowledge (PCK) atau pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) untuk menjalankan kajian bagi mata pelajaran masing-masing. Hal ini kerana kesemua penyelidik tersebut sependapat, iaitu pengetahuan tersebut sangat unik sehingga dapat membezakan antara seorang guru pakar dengan seorang pakar dalam sesuatu bidang pengetahuan yang tidak ada pengalaman mengajar (Shulman 1987). Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk meneroka PPK guru bahasa Iban di Sarawak. Penggunaan PPK guru semasa proses pengajaran akan diteliti secara mendalam. Ini kerana, PPK bukan sahaja melibatkan kefahaman guru terhadap pengetahuan isi kandungan bahasa Iban yang disampaikan kepada murid tetapi juga keupayaan mereka mempelbagaikan kaedah pengajaran agar mudah difahami oleh murid. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan keupayaan guru bahasa Iban mengajar mata pelajaran tersebut dengan berkesan amat bergantung kepada pengalaman, pengetahuan isi kandungan dan kemahiran pedagogi mata pelajaran tersebut (Shulman 1987).

PPK ialah konstruk yang digunakan Shulman untuk menjelaskan bidang pengetahuan guru mengenai isi kandungan (mata pelajaran) dan pedagogi (strategi pengajaran). PPK merupakan pemahaman guru mengenai cara membantu pelajar memahami sesuatu mata pelajaran secara khusus. Ini termasuklah pengetahuan tentang bagaimana tajuk-tajuk tertentu dalam sesuatu mata pelajaran, masalah dan isu-isu boleh disusun, dipersembahkan dan disesuaikan dengan pelbagai minat dan kebolehan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. PPK akan membantu guru-guru dalam membuat analogi, metafora, memberi contoh, mengadakan pelbagai aktiviti dan tunjuk cara bagi membantu kejayaan pelajar (Shulman 1987).

Zaidah (2005) berpendapat PPK adalah apa yang guru tahu tentang pengetahuan isi kandungan subjek dan bagaimana mereka menterjemahkan pengetahuan tersebut dalam aktiviti bilik darjah, konseptualisasinya dan mengajar topik-topik khusus dalam sesuatu subjek. Menurut Abdul Shatar (2007) pula, PPK adalah pengetahuan isi kandungan guru yang telah dipindahkan menjadi sesuatu yang berbeza daripada sebelumnya ke bentuk aplikasi yang praktikal dalam pengajaran. Tinjauan literatur mendapati seorang guru yang mempunyai PPK akan dapat meningkatkan keberkesanan pengajarannya (Solis 2009; Abdul Shatar 2007).

Veal dan Makinster (1999) pula menghuraikan PPK dalam bentuk taksonomi am tentang PPK yang terdiri daripada PPK am, PPK domain khusus dan PPK topik khusus. Mereka telah mengelaskan pelbagai jenis PPK secara hierarki dan pengelasan ini dikenali sebagai taksonomi PPK am. Mereka menyatakan bahawa asas kepada taksonomi ini ialah pengetahuan pedagogi yang patut dikuasai oleh semua guru. Pengetahuan pedagogi terdiri daripada cara merancang, kaedah pengajaran, penilaian, kerja kumpulan, cara menyoal dan cara memberi maklum balas. Seorang guru pakar dalam PPK am mempunyai kefahaman yang baik tentang konsep pedagogi. PPK am lebih terperinci

daripada pedagogi kerana menjurus kepada subjek seperti Matematik, Sains, Sejarah, Seni atau Bahasa Inggeris. Orientasi PPK am boleh diimplementasikan kepada pelbagai subjek atau mata pelajaran lain, tetapi proses, tujuan dan isi kandungan tentunya berbeza (Veal & Makinster 1999).

PPK bidang khusus pula lebih jelas berbanding dengan PPK am kerana memberi tumpuan kepada satu daripada beberapa bidang yang berbeza (Veal & Makinster 1999). Bidang khusus mata pelajaran Bahasa Iban ialah *jalai jaku* (tatabahasa), *pemereti* (kefahaman), *karang* (karangan) dan *leka main* (puisi rakyat dalam sastera Iban). Setiap bidang ini mempunyai pemahaman terhadap kurikulum dan bahan bantu mengajar yang berbeza. Walau bagaimanapun, bentuk dan instrumen penilaian setiap bidang adalah sama. Setiap bidang pula mempunyai topik-topik yang tertentu. PPK topik khusus ialah tahap khusus dan terpenting dalam taksonomi ini (Veal & Makinster 1999). Topik khusus sebenarnya pecahan topik daripada PPK bidang khusus. Misalnya, bidang *litericha* (sastera) Bahasa Iban terbahagi kepada beberapa topik khusus seperti *pantun*, *ensera*, *sabak*, *ganu*, *pelandai*, *jawang*, *ramban*, *sugi*, *renong*, *tanya indu*, *timang*, *pengap*, *pelian*, *sampi*, *naku pala* dan banyak lagi (Chemaline 2006). Guru yang mempunyai pengetahuan mendalam dalam PPK tahap ini, kebiasaannya telah menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam dua tahap PPK sebelum ini.

Selain pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi, PPK juga bergantung kepada pengetahuan guru terhadap ciri atau latar belakang murid yang diajarnya. Dua elemen penting yang terkandung dalam PPK ialah pengetahuan cara bagaimana isi pelajaran dapat disampaikan kepada murid dengan berkesan dan memahami masalah pembelajaran murid khususnya yang berkaitan dengan isi kandungan pembelajaran tersebut (Norasliza & Zaleha 2008).

PPK adalah masalah “*learning to teach*”, iaitu bagaimana guru menterjemahkan pengetahuan daripada satu bentuk kepada bentuk yang lain, persoalan kepada aturan daripada menghuraikan makna pengalaman yang kompleks (Chemaline 2006). PPK juga termasuk pengetahuan terhadap teknik-teknik penilaian penguasaan kemahiran dan kefahaman konsep pelajar serta strategi pengajaran agar isi pembelajaran dapat dibina dan difahami oleh pelajar secara bermakna (Magdeline 2008). Walau bagaimanapun, Lilia, Abd. Razak, Abd. Rashid dan T. Subahan (2001) mempunyai sedikit perbezaan pendapat dengan pengkaji-pengkaji sebelumnya. Mereka berpendapat bahasa PPK bukan hanya empat komponen, iaitu pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan tentang konteks dan, pengetahuan tentang murid. Sebaliknya mereka telah menambah satu lagi komponen iaitu, sikap dan emosi guru. Sikap dan emosi guru dikatakan memberi kesan positif dan juga negatif kepada murid. Mereka mendapati sikap guru yang bersungguh-sungguh mengajar membuatkan murid bersemangat dan berakhir dengan kefahaman murid. Jika emosi guru tidak stabil dan asyik memarahi murid, maka

murid akan bosan serta terganggu dan, seterusnya murid tidak mendapat kefahaman dalam pembelajaran mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian terhadap PPK mata pelajaran bahasa amat kurang di Malaysia. Kekurangan kajian terhadap PPK mata pelajaran bahasa menjadi pendorong utama kajian ini dilaksanakan. Tambahan pula kajian terhadap mata pelajaran Bahasa Iban juga masih amat sedikit. Walaupun bahasa Iban pernah ditawarkan di peringkat pengajian tinggi pada tahun 70-an, tetapi kajian mata pelajaran Bahasa Iban amat kurang dilaksanakan di Malaysia. Kajian yang ada lebih menjurus kepada tatabahasa (Asmah 1981), susur galur Bahasa Iban (Asmah 1985, 1993), fonologi dan morfologi (Ismail 1991; Rahim 1997, 2006; Shahidi 2000) dan puisi (Chemaline 2006). Kajian mereka tidak menjurus kepada bahasa Iban sebagai satu mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah. Oleh itu, impak dan keberkesanan pengajaran guru-guru bahasa Iban tidak diketahui umum, termasuklah oleh guru-guru tersebut sendiri. Tanpa kajian terhadap mata pelajaran Bahasa Iban, dapatan seperti kajian Magdeline (2008) tentang sikap murid terhadap mata pelajaran Bahasa Iban yang mendapati 10% murid mempunyai sikap yang negatif terhadap mata pelajaran Bahasa Iban, dan hanya terdapat 37.5% murid sahaja yang bersikap positif terhadap bahasa Iban tidak akan diketahui.

Guru-guru bahasa Iban yang sedia ada bukan pengkhususan dalam mata pelajaran Bahasa Iban, mereka terdiri daripada guru-guru mata pelajaran lain seperti guru mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Pendidikan Seni, Kesusasteraan Melayu, Geografi, Matematik dan lain-lain lagi. Guru-guru tersebut merupakan guru-guru berbangsa Iban yang diarahkan oleh pihak sekolah untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Iban. Sebenarnya mata pelajaran Bahasa Iban mengalami nasib yang sama seperti mata pelajaran Pendidikan Moral. Guru-guru Pendidikan Moral juga terdiri daripada mereka yang pelbagai latar belakang, pengkhususan dan pengalaman. Kebanyakan guru yang mengajar Pendidikan Moral ialah guru pengkhususan disiplin Sains Sosial, Sains Tulen dan Teknologi. Malah, sebahagian guru tersebut hanya mempunyai pengalaman belajar mata pelajaran tersebut di sekolah. Terdapat juga guru-guru baharu yang tidak terlatih dalam mata pelajaran Pendidikan Moral diarahkan mengajar untuk memenuhi keperluan sekolah, iaitu untuk mencukupkan bilangan waktu mengajar atau mengisi tempat guru lain (Chong Yee Pei 2000).

Data yang didapati dari Unit Bahasa Etnik (2010a) menunjukkan semasa kajian ini belum ada guru yang menguasai pengetahuan mata pelajaran Bahasa Iban secara formal di pusat-pusat latihan perguruan, dalam perkataan lain semua guru bahasa Iban bukan opsyen mata pelajaran Bahasa Iban. Walau bagaimanapun, guru yang sedang berkhidmat tersebut diharapkan telah menguasai pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) untuk

menyampaikan pengajaran mereka. PPK dianggap sebagai teras yang terpenting berbanding enam teras yang lain (Shulman 1987). Malah penyelidik seperti Mohammad Zohir (2009) berpendapat, kekurangan pengetahuan guru tentang PPK akan membataskan pengajaran guru sehingga menyebabkan pengajaran kurang berkesan. Ini bukan bererti pengetahuan isi kandungan bahasa Iban kurang penting berbanding dengan PPK. Tetapi kajian tentang PPK dalam kalangan guru sekolah rendah dan juga sekolah menengah amat sedikit (Tengku Zawawi 2005). Jika merujuk kepada mata pelajaran Bahasa Iban, setakat ini belum ada kajian tentang PPK dijalankan untuk sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Setakat ini, kajian PPK berkaitan bahasa di Malaysia hanya dilaksanakan oleh Nurul Huda, Nik Mohd Rahimi dan Kamarulzaman (2010) yang mengkaji PPK bahasa Arab.

Isu tentang peranan pengalaman guru dalam pengajaran sering dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Abdul Aziz (2008) mendapati guru baharu dan guru berpengalaman menggunakan kaedah yang sama untuk aktiviti pembelajaran, iaitu berdasarkan buku Tutor Biologi dan pendekatan perbincangan kumpulan. Kedua-dua kumpulan guru tersebut tidak menggunakan analogi, model, demonstrasi dan inkuiri, mereka hanya menggunakan penerangan untuk menyampaikan sesuatu konsep. Dapatan Abdul Aziz tersebut menunjukkan guru baharu dan guru berpengalaman belum lagi menguasai pengetahuan pedagogi kandungan dalam mengajar mata pelajaran Biologi. Pada tahun yang sama, Isamudin (2008) juga telah menjalankan kajian tentang PPK tiga orang guru Matematik Tambahan yang berpengalaman dan tiga orang guru Matematik Tambahan baharu. Beliau mendapati, guru berpengalaman menunjukkan pengetahuan isi kandungan subjek yang baik dan mendalam berbanding dengan guru baharu. Guru berpengalaman menggunakan kaedah dan teknik mengajar yang bersesuaian dengan perbezaan individu murid. Selain itu, beliau juga mendapati guru berpengalaman dapat menekankan konsep dan perkaitan konsep-konsep penting dengan teratur serta lebih menggunakan strategi pengajaran berpusatkan murid bagi mendekati, membimbing dan memberi motivasi kepada murid. Isamudin merumuskan bahawa pengintegrasian komponen-komponen PPK yang baik bagi guru berpengalaman dengan mempamerkan kematangannya berdasarkan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki guru dapat menyumbang kepada keberkesanan pengajaran Matematik.

Zaidah (2005) berpendapat bahawa pengalaman menjadi sumber kepada PPK guru. Oleh itu beliau berpendapat, sebahagian guru berpengalaman cenderung untuk membina PPK mereka melalui kepercayaan mereka terhadap ciri mata pelajaran dan pengajaran mereka yang diraih semasa mereka sebagai murid mahupun sebagai seorang guru. Bukan semua guru baharu dan berpengalaman mata pelajaran Bahasa Iban pernah mendapat pendidikan formal dalam mata pelajaran Bahasa Iban. Hal ini bermakna mereka tidak dapat membina PPK

berdasarkan pengalaman sebagai murid bahasa Iban. Guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman juga tidak dapat membina PPK berdasarkan pengalaman semasa menjalani latihan perguruan kerana semasa kajian ini dilaksanakan belum ada guru yang dilatih dalam mata pelajaran Bahasa Iban. Guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Iban terdiri daripada guru berbangsa Iban yang berlatar belakangkan pelbagai pengkhususan. Cara penterjemahan PPK guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman dalam proses tindakan guru boleh menjadi rujukan semua guru bahasa Iban sekolah menengah seluruh Sarawak.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk meneroka dan meneliti secara mendalam PPK yang dimiliki oleh guru bahasa Iban sekolah menengah di Sarawak. Secara khusus, soalan kajian ini adalah untuk mengetahui bagaimanakah cara pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman diterjemahkan dalam proses tindakan guru, iaitu pada peringkat kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian dan kefahaman baharu?

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif jenis kajian kes. Reka bentuk kajian kualitatif difikirkan sesuai untuk menjalankan kajian ini memandangkan kajian ini bertujuan untuk mengumpulkan maklumat dan data untuk melihat gambaran pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) pengajaran guru bahasa Iban sekolah menengah di Sarawak. Tiga orang guru bahasa Iban dari PPD Subis dan seorang dari PPD Miri telah menjadi peserta kajian kes, iaitu terlibat dalam temu bual dan pemerhatian. Dua orang guru merupakan guru bahasa Iban berpengalaman dan dua orang lagi guru bahasa Iban baharu. Guru bahasa Iban baharu dalam kajian ini merujuk kepada guru yang berpengalaman mengajar lima tahun ke bawah. Manakala guru bahasa Iban berpengalaman pula telah mengajar mata pelajaran bahasa Iban melebihi sepuluh tahun. Hal ini selaras dengan cadangan Berliner (1986, 1988, 1994). Dalam kajian ini guru baharu dikenali sebagai GBIB dan GBID, manakala guru berpengalaman dikenali sebagai GBIJ dan GBIM.

Data diperoleh melalui temu bual, pemerhatian pengajaran guru, dan analisis dokumen. Oleh itu, pengkaji telah membina protokol temu bual, protokol pemerhatian dan borang pemerhatian. Kesemua instrumen tersebut telah diubahsuai dari pengkaji terdahulu seperti Tengku Zawawi (2005) dan Zaidah (2005). Kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif kajian ini boleh didapati serta dinilai melalui kajian rintis, triangulasi data, catatan nota lapangan, pengesahan peserta kajian dan pengesahan pakar. Persetujuan pakar diukur menggunakan Tahap Persetujuan Cohen Kappa. Dapatan pengiraan pengkaji

mendapati nilai persetujuan ketiga-tiga pakar penilai ialah 0.94. Indeks pekali Cohen Kappa pada tahap 0.94 berada dalam indikator sangat tinggi.

Kajian ini mendapatkan data utama melalui temu bual serta disokong dengan data pemerhatian pengajaran dan juga analisis dokumen. Kesemua peserta kajian telah ditemu bual secara mendalam sekali sebelum pemerhatian pengajaran dan pembelajaran dilakukan. Manakala pemerhatian pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah telah dilaksanakan sebanyak lima kali seorang dalam tempoh enam bulan. Dapatan temu bual dan pemerhatian pengajaran dan pembelajaran ditranskripsikan terlebih dahulu sebelum mengkategorikan tema atau pola menggunakan perisian QSR Nvivo9. Tema-tema tersebut kemudiannya dirujuk kepada pakar yang dilantik untuk mendapatkan pengesahan. Dokumen seperti buku perancangan mengajar, minit mesyuarat panitia, bahan-bahan pengajaran serta semua dokumen yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban dianalisis untuk dtriangulasikan dengan dapatan temu bual serta pemerhatian pengajaran dan pembelajaran.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Soalan 1: Bagaimanakah cara pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman diterjemahkan dalam proses tindakan guru, iaitu pada peringkat kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian dan kefahaman baharu?

Perbincangan penterjemahan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Dalam Proses Tindakan guru akan dibuat secara perbandingan antara guru bahasa Iban baharu dengan guru bahasa Iban berpengalaman. Semua perbincangan berdasarkan lingkaran model pelaksanaan pedagogi dan tindakan pengajaran (Shulman 1987) yang digunakan sebagai asas kajian untuk memahami proses terjemahan komponen PPK kesemua peserta kajian. Enam peringkat pengajaran guru dikupas, iaitu peringkat kefahaman guru, transformasi, tindakan pengajaran guru, penilaian, refleksi, dan kefahaman baharu.

PERINGKAT KEFAHAMAN GURU

Kefahaman guru terhadap topik yang akan diajar berada dalam kedudukan paling penting. Pengkaji terdahulu seperti Shulman (1987) meletakkan kefahaman di peringkat yang teratas dalam *The Model of Pedagogical Reasoning and Action* yang telah diasaskannya. Hal ini kerana guru mesti tahu perkara yang akan diajar sebelum memikirkan cara, dan kepada siapa topik tersebut akan diajar (Hlas & Hildebrandt 2010). Kefahaman guru yang baik merujuk kepada kefahaman guru terhadap isi kandungan topik yang akan diajar, dan kefahaman guru terhadap latar belakang akademik murid yang akan diajar. Oleh sebab itu, pengaruh kefahaman guru amat besar terhadap keberkesanan pengajarannya.

Guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman sedar bahawa kefahaman terhadap isi kandungan amat penting. Oleh itu, guru mengambil langkah membuat persiapan dengan mempelajari terlebih dahulu topik yang akan diajar. Berpegang pada prinsip bahawa guru tidak boleh mengajar perkara yang mereka sendiri tidak faham (Kauchak dan Eggen, 2007), guru bahasa Iban berusaha untuk menguasai isi kandungan pengajaran dengan merujuk kepada guru bahasa Iban yang lebih berpengetahuan lagi dalam mata pelajaran bahasa Iban.

“... sekiranya saya masih ada pertanyaan, yang pertama bahan rujukan lain saya adalah guru-guru *senior*. Saya akan bertanya kepada mereka. Dan kedua saya juga akan membelek-belek majalah-majalah bahasa Ibanlah.” (GBIB/TB/E2.4/R1/2011).

Langkah seperti itu terpaksa diambil memandangkan semua guru bahasa Iban bukan pengkhususan bahasa Iban. Guru bahasa Iban tidak menjadikan isu bukan pengkhususan bahasa Iban untuk tidak mendapatkan kefahaman yang mendalam. Dapatan pemerhatian pengajaran dan pembelajaran menunjukkan guru bahasa Iban menyampaikan pengajaran dengan yakin kerana memiliki kefahaman terhadap topik. Hal ini seperti yang pernah dinyatakan oleh Alimuddin (2008) sebelum ini. Menurut beliau, kefahaman yang mendalam dalam mata pelajaran yang diajar boleh menjadikan guru berkenaan lebih mudah dan lebih berkeyakinan sewaktu menyampaikan pengajaran mereka.

Kefahaman guru terhadap topik yang diajar memudahkan guru membuat persiapan pengajaran dari segi pendekatan, kaedah, teknik, dan strategi pengajaran. Oleh itu, kefahaman guru boleh dilihat seawal pernyataan tujuan dan objektif pengajaran guru. Guru berpengalaman mementingkan pernyataan tujuan pengajaran dan objektif pengajaran setiap kali memulakan sesi pengajaran setelah membuat set induksi. Sebaliknya guru baharu pula sekala sahaja menyatakan tujuan dan objektif pengajaran. Kefahaman yang baik terhadap topik yang diajar memudahkan guru berpengalaman mengaitkan topik yang diajar dengan dalam dan luar disiplin ilmu. Hal yang sebaliknya pula berlaku apabila guru baharu mengajar. Guru bahasa Iban baharu amat jarang mengaitkan pengajarannya dengan disiplin ilmu yang lain. Hal ini mungkin terjadi seperti yang dikatakan oleh NCTM (2000), iaitu guru yang memiliki pengetahuan isi kandungan yang mantap mampu membuat hubungan antara topik yang diajar berbanding dengan guru yang kurang pengetahuan. Guru bahasa Iban baharu kurang pengetahuan jika dibandingkan dengan guru yang berpengalaman lama mengajar bahasa Iban. Kurang pengalaman yang seterusnya menyebabkan kurang pengetahuan menjadi punca guru bahasa Iban baharu jarang mengaitkan pengajaran dengan disiplin ilmu lain.

Guru berpengalaman menyemak pengetahuan sedia ada murid sebelum meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih lanjut lagi. Hal ini penting kerana pengetahuan guru terhadap murid menjadi salah satu

penentu perancangan guru juga dalam konsep PPK (Ingber 2009). Selain itu, selaras dengan penerapan nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia, guru bahasa Iban berpengalaman sentiasa mengaitkan pengajaran mereka dengan nilai-nilai murni secara langsung dan juga tidak langsung. Guru bahasa Iban baharu ada mengaitkan pengajaran dengan nilai-nilai murni tetapi agak jarang.

PERINGKAT TRANSFORMASI PENGAJARAN

Istilah transformasi bermaksud perubahan daripada satu bentuk ke satu bentuk yang lain. Transformasi pengajaran merujuk kepada persiapan, usaha serta cara guru menyampaikan pengetahuannya terhadap topik yang diajar kepada murid dengan cara yang boleh difahami oleh murid. Dalam lain perkataan transformasi pengajaran berkait dengan proses transformasi pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi untuk memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran (Zaidah 2005; Shulman 1987; Carter 1990; Magnusson et al. 1994, dan Gudmundsdottir 1995).

Kebolehan guru membuat transformasi ini banyak bergantung kepada keupayaan guru membuat persediaan sebelum mengajar, penyampaian pengetahuan isi kandungan dengan menggunakan perwakilan idea yang mudah difahami oleh pelajar seperti analogi, gambar rajah, dan carta. Ini juga melibatkan pemilihan kaedah pengajaran yang pelbagai untuk memudahkan murid memahami konsep yang disampaikan. Kemudian guru akan cuba membuat penyesuaian dan mereka pembelajaran mengikut keperluan khusus murid seperti murid lemah, sederhana dan pandai (Shulman 1987). Memang tidak dapat dinafikan, guru baharu Bahasa Iban berhadapan dengan sedikit kesukaran untuk menyampaikan pengajaran seperti yang dikatakan oleh Wilson et al. (1987).

Guru baharu membuat persediaan sebelum mengajar sesuatu topik. Memandangkan guru bahasa Iban bukan pengkhususan mata pelajaran Bahasa Iban, maka mereka belajar terlebih dahulu topik yang akan diajar. Hal ini demikian kerana guru bahasa Iban baharu takut mereka tersalah konsep apabila menyampaikan pengajaran. Guru baharu cenderung untuk merujuk kepada guru bahasa Iban yang lebih berpengalaman semasa membuat persediaan sebelum mengajar. Guru berpengalaman pula membuat persediaan sebelum mengajar dengan mengenal pasti objektif pengajaran terlebih dahulu. Selepas itu, mereka akan merancang pelaksanaan topik pengajaran yang berkenaan.

“Kalau saya, sekiranya saya...sebelum saya masuk memang saya akan tengok, *refer* balik, rujuk balik apa yang saya akan ajar. Tak tahu.. sekiranya saya masih ada pertanyaan, yang pertama bahan rujukan lain saya adalah guru-guru *senior*. Saya akan bertanya kepada mereka. Dan kedua saya juga akan membelek-belek majalah-majalah bahasa Ibanlah.” (GBIB/TB/E2.4/R1/2011).

Guru berpengalaman sama seperti guru baharu akan mempelajari apa yang akan mereka ajar kerana mereka

tahu pengetahuan merupakan salah satu aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Abd Shatar 2007). Bezanya, tidak seperti guru bahasa Iban baharu, guru bahasa Iban berpengalaman lebih cenderung merujuk kepada generasi tua untuk mendapat jawapan bagi persoalan mereka. Guru bahasa Iban berpengalaman juga menyediakan sendiri bahan pengajaran dan soalan latihan serta peperiksaan.

“Setakat ini kalau di sini, sebab kita mendapat bahan-bahan untuk bahasa Iban ni susah. Kadangkala saya mencipta sendirilah soalan-soalan di samping buku teks sebab sekarang ini kita menggunakan buku teks sepenuhnya lah sebab kita tidak ada bahan, kalau dijual pun tidak ada.” (GBIJ/TB/E2.4/R2/2011)

Perwakilan idea seperti penggunaan analogi, rajah dan carta akan membantu murid untuk memahami pengajaran guru. Guru baharu jarang menggunakan perwakilan idea terutamanya penggunaan analogi (NCTM 2000). Sekali sekala sahaja guru bahasa Iban baharu menggunakan carta untuk membantu penerangan topik yang diajar. Guru bahasa Iban berpengalaman pula sentiasa menggunakan perwakilan idea dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Malah guru berpengalaman menggunakan lebih daripada satu perwakilan idea untuk menerangkan topik yang agak susah difahami murid. Guru berpengalaman kerap menggunakan analogi apabila mengajar topik adat istiadat masyarakat Iban. Mereka juga membuat perbandingan dengan kaum lain untuk membantu kefahaman murid. Misalnya penerangan tentang adab sebelum memasuki rumah orang, orang Melayu akan menyapa dengan memberi salam tetapi orang Iban akan menyapa dengan pertanyaan “*Nyadi rumah kita?*” (Jadi rumah kamu?). Guru memberi penerangan lanjut dengan penerangan atau cerita di sebalik sapaan tersebut iaitu, terdapat masa tertentu rumah orang Iban tidak boleh dilawat oleh tetamu (Chemaline 2011). Misalnya selepas upacara *belian* (berubat). Analogi serta cerita yang sedemikian bukan hanya membantu kefahaman murid malah berjaya menarik perhatian murid terhadap pengajaran guru. Guru berpengalaman juga adakalanya akan menggunakan analogi-analogi yang berunsur lucu untuk menarik perhatian murid mereka. Oleh itu, kelas guru bahasa Iban berpengalaman tidak pernah membosankan murid, sebaliknya murid berasa seronok sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban.

Pemilihan bahan mengajar penting dalam proses transformasi pengajaran bahasa Iban (Ahmad Yunus 2011). Guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman tidak menjadikan isu kekurangan bahan pengajaran bahasa Iban sebagai halangan mereka memberikan pengajaran yang berkualiti kepada murid. Semua guru bahasa Iban sanggup berkorban masa dan wang untuk menyediakan bahan pengajaran untuk murid masing-masing. Guru bahasa Iban baharu menggunakan petikan akhbar dan majalah dalam bahasa Iban seperti majalah *Kendawah*, *Pegari* dan *Tebilang* sebagai bahan pengajaran. Mereka cenderung menggunakan kemudahan ICT untuk mencari bahan pengajaran kerana lebih cepat dan murah. Pengkaji

dapati guru baharu tidak mempunyai banyak koleksi bahan pengajaran.

Guru berpengalaman pula mempunyai banyak koleksi bahan pengajaran. Guru berpengalaman mempunyai dua jenis koleksi iaitu, koleksi bahan yang dibeli dan, koleksi bahan pengajaran yang dibina sendiri. Bahan pengajaran yang dibeli seperti kamus, buku cerita, majalah dalam bahasa Iban, keratan akhbar bahasa Iban dan, alat-alat tradisional seperti *pua kumbu*, *capan*, *sintung*, *terabai* dan lain-lain lagi. Manakala, koleksi bahan yang dibina sendiri ialah kertas soalan peperiksaan, soalan latihan dan, bahan edaran. Kedua-dua guru bahasa Iban baharu dan tradisional menghabiskan duit peruntukan panitia untuk membeli bahan bacaan kerana ingin memperkasakan kosa kata murid masing-masing. Satu hal yang ketara ialah, guru bahasa Iban berpengalaman tidak menggunakan kemudahan ICT untuk mencari bahan pengajaran.

Kedua-dua guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman bijak menyesuaikan pendekatan pengajaran dengan isi kandungan yang akan disampaikan kepada murid. Hal ini kerana semua guru bahasa Iban sedar bahawa mereka kena sentiasa berusaha mengubahsuai kaedah dan gaya pembelajaran agar sesuai dengan tahap, minat, dan gaya pembelajaran murid (Kellough & Kellough 1999).

“Ok... bagi saya setiap orang cikgu ni memang dia akan menghadapi pelajar yang pelbagai. Ada pelajar yang rajin, ada pelajar yang tidak rajin, malas dan masalah disiplin.

Ada pelajar yang memang langsung tak mahu belajar, jadi setiap cikgu dia nak tak dia kena juga menghadapi benda ini. Jadi pada pendapat sayalah untuk mengatasi situasi macam ni kita kena pelbagaikan kaedah kita mengajar. Bagi yang tak nak belajar tu mungkin janganlah kita abaikan, kita boleh buat ‘kamu kat sini’. Kita pakai pendedahan lain. Hari ini kita pakai pendedahan ini, *next day* kita pakai pendedahan lain pula. Pendekatan lainlah maksudnya” (GBIB/TB/E2.1/R1/2011)

Dapatan pemerhatian pengajaran dan pembelajaran menunjukkan guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman kerap menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan guru dan murid. Pendekatan tradisional, iaitu pengajaran berpusatkan guru (May, M.H.C, Annie, Y.N.C & Sylvia, Y.H.T 2010) memang masih relevan lagi dalam konteks pengajaran mata pelajaran bahasa Iban. Selain itu, mereka juga menggunakan kaedah pengajaran kontekstual, tunjuk cara atau demonstrasi, konstruktivisma (soal jawab, sumbang saran, pembelajaran koperatif), mudah kepada kompleks, perubahan intonasi, KBKK, dan juga kaedah pengajaran berbantuan komputer. Hal ini bermakna guru telah menggunakan pelbagai teknik pengajaran yang sesuai dengan aktiviti pengajaran mereka.

“Seseorang guru itu hendaklah menyesuaikan teknik pengajaran dengan aktiviti yang nak diajar dalam kelas.” (GBIJ/TB/E2.3/R1/2011)

JADUAL 1. Kekekapan penggunaan pendekatan pengajaran peserta kajian

Pendekatan	Peserta Kajian				Jumlah
	GBIB	GBID	GBIJ	GBIM	
1. Berpusatkan Guru					
Kuliah / penerangan	5	5	5	5	20
Analogi	4	3	5	5	17
Bercerita	4	4	5	5	18
2. Konstruktivisma					
Soal jawab	5	5	5	5	20
Sumbang saran	5	5	5	5	20
Pembelajaran koperatif	0	4	0	1	5
3. Kontekstual	5	5	5	5	20
4. Tunjuk cara / demo	5	5	5	5	20
5. Intonasi	5	5	5	5	20
6. KBKK	5	5	5	5	20
7. Pengajaran berbantuan komputer	0	2	0	0	2

Pengajaran yang berkesan melibatkan pengajaran yang boleh membantu kefahaman semua ciri murid yang terdapat dalam kelas berkenaan (Broko & Putnam 1996). Oleh yang demikian, guru bahasa Iban kena bijak menyesuaikan pengajaran dengan kepelbagaian murid. Kepelbagaian murid tidak mendatangkan masalah kepada guru baharu GBID dan guru berpengalaman GBIM kerana murid bahasa Iban mereka terdiri daripada murid yang terpilih. Dalam lain perkataan, kesemua murid bahasa Iban GBID dan GBIM merupakan murid cemerlang. Namun perkara yang berbeza dihadapi oleh guru baharu GBIB

dan guru berpengalaman GBIJ. GBIJ dan GBIB terpaksa merancang sesi pengajaran yang sesuai dengan ciri murid masing-masing sesuai dengan saranan Broko dan Putnam (1996). Selain itu, mereka juga terpaksa merancang bahan pengajaran dan soalan latihan yang sesuai dengan tahap murid.

PERINGKAT TINDAKAN PENGAJARAN

Semua perlakuan guru dalam bilik darjah semasa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran merupakan tindakan pengajaran guru. Aspek perlakuan guru

merangkumi aspek pedagogi, pengurusan, penerangan, interaksi, kerja kumpulan, disiplin, unsur kecindaan (jenaka), sesi soal jawab, pendekatan yang diamalkan dalam kelas, komunikasi dan penggunaan teknologi dalam pengajaran (Shulman 1987). Kesemua guru bahasa Iban melakukan tindakan pengajaran yang sama tetapi dengan cara yang berbeza. Perbezaan ini boleh dilihat melalui tindakan pengajaran guru baharu (GBIB dan GBID) dan guru berpengalaman (GBIJ dan GBIM).

Tindakan pengajaran guru yang pertama ialah pengurusan bilik darjah. Bilik darjah merupakan elemen yang penting untuk menyampaikan ilmu kepada murid. Suasana bilik darjah yang bersih, kemas dan ceria akan merangsang proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lebih efektif. Pengurusan bilik darjah ini merangkumi aspek pengurusan bilik tempat sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dan, aspek pengurusan murid. Dalam lain perkataan, pengurusan bilik darjah akan membantu guru untuk membina dan memantapkan PPK guru. Menguasai pengurusan bilik darjah bermakna guru juga menguasai pengetahuannya tentang ciri murid, iaitu salah satu aspek PPK yang penting. Guru Bahasa Iban berpengalaman amat mementingkan pengurusan bilik darjah. GBIJ dan GBIM sentiasa memastikan kelas dalam keadaan bersih sebelum memulakan sesi pengajaran. GBIJ telah berjaya membiasakan muridnya memastikan kelas dalam keadaan bersih sebelum beliau memulakan pengajaran. Ini kerana pengkaji dapati murid GBIJ akan bekerjasama membersihkan kelas sebelum GBIJ masuk ke dalam kelas. Murid GBIJ dapat menjangka bahawa perkara pertama yang disentuh oleh guru mereka ialah tentang kebersihan kelas. Sekiranya kelas masih dalam keadaan kotor, GBIJ akan mengarahkan mereka membersihkan kelas.

“Selamat pagi. Udah sapu kelas kita? Sapu dulu enti bedau (Selamat pagi. Sudah sapu kelas? Sapu dulu kalau belum).” (GBIJ/P4/E3.6/R1/2011).

“Selamat pagi, sebedau kita duduk, gumpul dulu sampah (Selamat pagi, kutip sampah dulu sebelum duduk).” (GBIJ/P5/R3.6/2011).

GBIJ dan GBIM akan memulakan pengajaran dengan sapaan yang mesra. Mereka meluangkan masa untuk bertanya khabar dan mengambil tahu tentang perkembangan murid mereka masing-masing. Walaupun guru bahasa Iban berpengalaman bukan guru tingkatan tetapi mereka tetap meluangkan masa untuk memeriksa kehadiran murid. Persamaan guru berpengalaman yang amat ketara ialah mereka hanya memulakan pengajaran apabila murid benar-benar sudah bersedia untuk memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Semasa sesi pengajaran, guru berpengalaman bahasa Iban memberi tumpuan kepada semua murid tanpa mengira sama ada, murid tersebut duduk di depan atau belakang kelas. Mereka juga akan menegur dengan menyebut nama apabila mendapati ada murid yang hilang fokus. Tindakan guru berpengalaman tersebut merupakan tindakan asas yang perlu guru lakukan untuk menjamin

keberkesanan pengajaran mereka seperti yang disarankan oleh Fernandez-Balboa dan Stiehl (1995).

Guru bahasa Iban baharu pula hanya mementingkan pengurusan murid tetapi kurang mementingkan kebersihan bilik darjah. Guru baharu tidak mengarahkan murid mengutip sampah walaupun menyedari tahap kebersihan kelas agak tidak memuaskan. Namun guru bahasa Iban baharu mementingkan pengurusan murid, iaitu berkenaan kehadiran murid dan juga tumpuan murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru baharu akan menegur murid yang bising dengan serta merta. Sekurang-kurangnya guru baharu mengikut salah satu saranan Fernandez-Balboa dan Stiehl (1995).

Penyampaian yang jelas menjadi salah satu faktor penting untuk membantu kefahaman murid terhadap topik yang diajar. Penyampaian jelas melibatkan penggunaan nada suara yang sesuai dan juga penggunaan aras bahasa serta contoh yang sesuai dengan tahap murid. Semua guru bahasa Iban, iaitu guru baharu dan berpengalaman telah menyampaikan pengajaran dengan penyampaian yang jelas. Kesemua mereka memiliki suara yang lantang dan butir pertuturan yang jelas.

“Kita terangkan satu-satu aa...ini macam ini langkah dia, yang ini macam ini.” (GBIJ/TB/E3.5/R1/2011).

Dapatan kajian menunjukkan guru bahasa Iban meluangkan masa untuk memberi penerangan yang jelas serta teliti terhadap topik atau perkara yang murid sukar fahami. Kelebihan guru berpengalaman ialah mereka sentiasa memberi penerangan dan bimbingan agar murid menggunakan KBKK. Di samping itu, GBIM sentiasa memberi penerangan yang menarik untuk mendapatkan tumpuan murid. Guru baharu akan memberi penerangan dengan bahasa yang mudah difahami. Bezanya, guru baharu akan memberi penerangan menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris apabila mendapati murid masih tidak memahami penerangan mereka dalam bahasa Iban.

Terdapat beberapa konsep dalam masyarakat Iban yang berbeza dengan konsep masyarakat lain. Menyedari hal tersebut, bantuan penaakulan kefahaman konsep guru bahasa Iban amat penting dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman sentiasa menolong murid untuk memahami kefahaman konsep. Penerangan dilakukan menggunakan penceritaan dan juga carta yang sesuai. GBIJ misalnya menggunakan carta untuk menerangkan tentang konsep kalender masyarakat Iban yang berbeza dengan kalender barat. Murid tidak akan tahu bila musim penanaman padi jika tidak mengetahui tentang kalender orang Iban. Kalender masyarakat Iban bermula dari bulan Jun sebagai bulan satu, Julai bulan dua, Ogos bulan tiga, dan seterusnya. Selain itu, guru bahasa Iban juga terpaksa menerangkan konsep yang berkaitan dengan adat istiadat masyarakat Iban yang sudah jarang diamalkan masa kini.

“Enti ku kitai Iban, bulan lapan ianya bulan tiga, enda sama enggau kalender orang putih. Enti bulan enam nya bulan satu, bulan tujuh nya bulan dua, nyadi bulan

lapan nya bulan tiga kitai Iban. Bulan tiga, endur kitai bumai. Kala ninga (Menurut orang Iban, bulan lapan ialah bulan tiga, tidak sama dengan kalender barat. Jika bulan enam maknanya bulan satu, bulan tujuh ialah bulan dua, jadi bulan lapan ialah bulan tiga orang Iban. Bulan tiga, masa kita bertanam padi. Pernah dengar?" (GBIJ/P4/E3.8/R1/2011).

Kedua-dua guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman telah melibatkan murid secara aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mereka. Persamaan guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman ialah melibatkan murid secara aktif melalui penyoalan. Guru mengemukakan soalan dan mengarahkan murid untuk menjawab soalan tersebut. Kebiasaannya guru akan memanggil murid yang pasif untuk menjawab soalan berkenaan. Sebenarnya, melalui penyoalan tersebut secara tidak langsung guru bahasa Iban telah menyampaikan kandungan pelajaran kepada murid (Zamri 2012). Guru juga melibatkan murid dalam demonstrasi dengan mengarahkan murid membuat demonstrasi atau main peranan di hadapan kelas. Guru baharu pula kerap mengarahkan murid untuk membaca petikan di hadapan rakan sekelas yang lain. Adakalanya guru mengarahkan murid untuk menulis jawapan di papan tulis. Murid yang aktif bersoal jawab serta terlibat dengan sesi pengajaran guru sudah pasti tidak berasa bosan sepanjang mengikuti pengajaran.

Guru berpengalaman lebih kerap mengarahkan murid untuk melakukan kerja secara berkumpulan jika dibandingkan dengan guru baharu. Guru GBIJ, iaitu seorang guru bahasa Iban yang berpengalaman misalnya, telah mengarahkan murid untuk menyiapkan tugas secara berkumpulan dalam kebanyakan sesi pemerhatian pengajaran dan pembelajaran yang dihadiri pengkaji. Manakala guru baharu pula langsung tidak pernah mengarahkan murid membuat tugas secara berkumpulan. Guru baharu lebih selesa mengarahkan murid membuat tugas secara individu.

Sentiasa ketawa dan ceria, itu perkataan yang boleh menggambarkan suasana kelas guru berpengalaman khususnya GBIJ. GBIJ bukan hanya menyelitikan unsur kecindan atau jenaka dalam proses pengajaran dan pembelajarannya, tetapi perwatakan beliau sendiri sememangnya seorang yang lucu. Tambahan pula, GBIJ bijak mengaitkan gurauan dengan isi pengajarannya. Penerapan unsur kecindan menyebabkan murid GBIJ sentiasa seronok dan fokus kepada pengajaran sepanjang waktu pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban.

Ternyata beliau seorang yang lucu. Oleh itu, sepanjang proses pengajaran dan pembelajarannya kelas sentiasa ceria dan dipenuhi gelak-ketawa pelajar. Saya perhatikan beliau berjaya menarik minat pelajarinya dari minit pertama sesi pengajaran hinggalah tamat waktu pengajarannya. Saya yang duduk di belakang juga tidak terasa masa berlalu dengan pantas. (GBIJ/NL3/E3.10/R1/2011).

Walaupun GBIM bukan seorang yang lucu secara semula jadi seperti GBIJ, tetapi beliau pandai menyelitikan elemen lucu dalam cerita serta contoh-contoh yang diberikan

kepada murid. Berbeza dengan guru berpengalaman, guru baharu agak jarang menerapkan unsur kecindan dalam pengajaran mereka. Sesi pengajaran bahasa Iban berjalan dalam suasana yang lebih tegang dan hanya sesekali sahaja kedengaran bunyi ketawa murid.

Pengurusan bilik darjah juga merangkumi kawalan disiplin murid dalam bilik darjah semasa guru mengajar. Guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman sama-sama mementingkan kawalan disiplin semasa mereka mengajar. Namun bagi GBIM dan GBID, kawalan disiplin kelas bukanlah masalah bagi mereka kerana murid yang mengambil bahasa Iban dalam kalangan murid cemerlang yang terpilih. Tambahan pula, saiz kelas mereka agak kecil. GBIJ dan GBIB pula menghadapi cabaran mengendalikan kelas yang bersaiz besar dan murid yang terdiri daripada pelbagai tahap pencapaian. Oleh sebab itu, sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran guru terpaksa mengawal disiplin murid. Guru akan menyebut nama murid yang sedang berbual-bual atau memanggil nama murid yang sedang berbual untuk menjawab soalan.

Dari segi interaksi antara guru dan murid pula, sentiasa ada interaksi dua hala yang sangat baik antara guru dan murid. Guru baharu dan guru berpengalaman sentiasa menggalakkan interaksi murid dengan mereka. Murid bahasa Iban kelihatan sentiasa aktif dan berebut-rebut untuk menjawab soalan guru. Cuma bezanya, murid kelas GBIM berinteraksi lebih tertib dengan beliau. Murid GBIJ tidak takut untuk menyuarakan pendapat atau menjawab soalan kerana guru sentiasa memberi kata-kata dorongan dan pujian kepada murid yang menjawab soalan. Reaksi guru terhadap pendapat serta jawapan murid secara tidak langsung menimbulkan sikap keyakinan diri dalam kalangan murid bahasa Iban.

Penyoalan guru antara tindakan pengajaran yang penting dan perlu dilaksanakan oleh semua guru. Boleh dikatakan semua guru yang mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran akan menyoal murid mereka. Guru bahasa Iban baharu dan juga berpengalaman telah menggunakan pelbagai teknik penyoalan semasa mengendalikan sesi pengajaran. Teknik penyoalan yang sesuai seperti soalan tertumpu dan bercapah digunakan mengikut kesesuaian murid. Dalam lain perkataan, semua guru bahasa Iban telah menggunakan penyoalan yang sesuai dengan aras pencapaian murid masing-masing. Ini penting kerana penyoalan yang sesuai boleh membantu murid dalam lebih memahami isi kandungan pengajaran pada hari tersebut.

PERINGKAT PENILAIAN

Keberkesanan pengajaran dan kefahaman murid tidak dapat dikesan tanpa penilaian.

Penilaian adalah salah satu proses mengumpul maklumat tentang perkembangan dan kemajuan murid dengan menggunakan pelbagai kaedah dan tidak terhad kepada ujian dan peperiksaan semata-mata (Shulman 1987). Oleh itu, guru bahasa Iban telah melakukan penilaian

secara lisan dan bertulis, penilaian miskonsepsi murid, dan penilaian berterusan untuk mendapatkan maklum balas tindakan yang mereka telah lakukan (Yamamoto 1969).

Guru bahasa Iban berpengalaman kerap menggunakan penilaian secara lisan dan bertulis untuk menguji kefahaman murid terhadap pengajaran mereka. Soalan secara spontan dilontarkan guru bahasa Iban untuk mengetahui tumpuan murid terhadap pengajaran mereka. Penilaian bertulis pula dilakukan guru bahasa Iban baharu melalui lembaran kerja dan juga soalan yang ditulis pada papan tulis. Manakala guru berpengalaman pula melakukan penilaian bertulis melalui latih tubi dan kerja rumah yang diberi kepada murid. Maklum balas melalui penilaian tersebut akan menjadi panduan guru bahasa Iban untuk merancang tindakan susulan yang sesuai (Zaidah 2005).

Penilaian miskonsepsi murid dibuat oleh guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman untuk mengelakkan murid salah konsep keseluruhan isi pengajaran. Guru bahasa Iban berpengalaman menilai miskonsepsi murid secara lisan melalui penyoalan yang sesuai. Guru berpengalaman akan membetulkan kesilapan murid dengan segera apabila mereka dapat mengesan kesilapan murid. Manakala guru baharu pula menilai miskonsepsi murid sebelum menyambung pengajaran ke peringkat yang seterusnya. Guru baharu dan berpengalaman akan membetulkan salah faham murid sebelum mereka meneruskan proses pengajaran. Langkah ini diambil untuk mengelakkan murid tidak memahami pengajaran mereka yang selanjutnya.

Seorang guru, sama ada guru baharu ataupun guru berpengalaman sudah pasti akan membuat penilaian secara berterusan. Guru bahasa Iban berpengalaman membuat penilaian berterusan melalui aktiviti ulang kaji bersama-sama murid. Tujuannya untuk mengetahui tahap penguasaan murid terhadap semua topik yang telah diajar sebelum ini. Selain itu, penilaian berterusan juga digunakan oleh guru berpengalaman untuk menilai sikap dan penerimaan murid terhadap pengajarannya. Guru berpengalaman akan mengubah corak pengajarannya apabila mendapati murid mula hilang fokus. Guru baharu pula akan membuat penilaian dalam setiap langkah perkembangan pengajarannya. Mereka juga menilai fokus murid dengan menyoal murid tentang apa yang baharu sahaja guru terangkan. Selain mengetahui fokus murid, langkah yang diambil guru baharu bahasa Iban ini juga dapat memberi maklumat tentang kefahaman murid.

Peringkat penilaian bukan hanya proses tindakan pengajaran guru yang hanya memberi manfaat kepada guru tersebut. Sebenarnya selain daripada guru, murid juga turut mendapat manfaat daripada penilaian guru. Melalui penilaian guru, murid akan mengetahui tahap kefahaman dan juga miskonsepsi yang mungkin mereka hadapi. Yamamoto (1969) berpendapat bahawa murid memerlukan maklumat daripada guru untuk menentukan matlamat sendiri, menilai status semasa mereka, membuat perancangan tindakan, mengetahui peningkatan diri dan untuk membuat beberapa perubahan serta ulang kaji. Semua maklumat yang diperlukan oleh murid itu hanya

dapat diketahui melalui penilaian yang dijalankan guru terhadap mereka.

PERINGKAT REFLEKSI

Kellough dan Kellough (1999) mencadangkan terdapat sekurang-kurangnya enam prinsip pengajaran dan pembelajaran yang perlu diberikan perhatian oleh guru, iaitu 1) Mengetahui apa yang dipelajari oleh murid, 2) Penglibatan yang aktif murid dalam setiap aktiviti pembelajaran, 3) Guru mesti mempunyai harapan yang tinggi kepada pembelajaran murid, 4) Murid perlu maklum balas yang jelas dan boleh dipercayai daripada guru, 5) Murid melibatkan diri dalam aktiviti projek atau seumpamanya secara koperatif, dan 6) Guru adalah segala-galanya dan perlu sentiasa bersedia untuk memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan kerjasama dalam semua perkara yang diperlukan oleh murid. Keenam-enam prinsip pengajaran tersebut memerlukan guru untuk membuat refleksi pengajaran untuk mendapat maklumat yang boleh digunakan untuk langkah yang seterusnya.

Guru bahasa Iban berpengalaman telah membuat refleksi kaedah pengajaran, kefahaman murid, aktiviti pengajaran, teknik penyampaian, hasil pengajaran, penilaian sendiri, dan refleksi kesesuaian bahan yang digunakan. Guru berpengalaman didapati telah membuat refleksi secara langsung dan tidak langsung terhadap pengajaran dan juga murid mereka (Zaidah 2005).

“Erm...ya, untuk memperbaiki pengajaran kita dan di samping itu yang paling penting sekali adalah supaya kita dapat menukar teknik pengajaranlah, untuk memahami budak nak belajar arr.. murid. Supaya yang penting sekali murid lulus dalam peperiksaan.” (GBIM/TB/E5/R1/2011).

Manakala, guru baharu pula membuat refleksi untuk merancang pendekatan pengajaran mereka yang seterusnya. GBIB misalnya akan membuat refleksi selepas tamat sesi pengajaran dan pembelajaran untuk mengesan kefahaman muridnya. Beliau bertindak mengubah pendekatan pengajarannya jika mendapati pendekatan yang digunakan kurang sesuai.

“Memang dalam satu-satu kelas tu, dia punya kepelbagaian, perbezaan ataupun kepelbagaian. Jadi di situ kita kena reflek baliklah. Oh...yang ini pendekatan, mungkin kita boleh buat dua *group*. Satu *group* yang ini kita buat pendekatan lain, *group* satu lagi kita buat pendekatan lain.” (GBIB/TB/E6/R2/2011).

Oleh itu, proses refleksi secara tidak langsung akan meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kreatif dalam kalangan guru (Zaidah 2005). Proses refleksi tidak semudah yang difikirkan tetapi seperti kata Shulman (1987), proses refleksi boleh dipelajari guru melalui pengalaman profesionalnya.

PERINGKAT KEFAHAMAN BAHARU

Kefahaman baharu diperlukan guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman untuk mengubah atau merancang pengajaran

yang lebih berkesan. GBIJ telah menggunakan kefahaman baharu untuk mengubah pendekatan pengajaran yang telah digunakan agar pengajarannya lebih berkesan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang berikutnya.

“Kalau apabila kita menggunakan pendekatan itu tidak juga pelajar dapat. Jadi *last* sekali, cara yang lebih mudah adalah terpaksa kita terangkan kepada pelajar itu sendirilah.” (GBIJ/TB/E6/R1/2011).

Guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman sedar bahawa sebagai seorang guru, mereka hendaklah sentiasa bersedia untuk berubah mengikut keadaan. Paling penting ialah mencapai matlamat untuk menyampaikan pengajaran secara berkesan dan mudah difahami murid.

Ekoran itu, guru bahasa Iban sentiasa cuba untuk memahami sesuatu yang baharu hasil daripada pemerhatian ke atas murid mereka, ataupun pemerhatian terhadap pengajaran yang mereka telah lakukan (Zaidah 2005). Mendapatkan kefahaman baharu bukanlah proses yang mudah. Kefahaman baharu hanya diperoleh selepas guru membuat pengamatan secara mendalam dan teliti. Pengkaji terdahulu seperti Shulman (1987) berpendapat, kefahaman baharu tidak diperoleh secara automatik selepas peringkat penilaian dan refleksi. Strategi dokumentasi yang terperinci, analisis dan perbincangan perlu dilakukan guru untuk mendapat kefahaman baharu.

KESIMPULAN

Penterjemahan pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) dalam proses tindakan guru boleh dilihat melalui enam peringkat tindakan guru, iaitu peringkat kefahaman, peringkat transformasi, peringkat tindakan pengajaran guru, peringkat penilaian, peringkat refleksi, dan peringkat kefahaman baharu. Kesemua guru bahasa Iban melalui setiap peringkat ini semasa menyampaikan pengajaran bahasa Iban. Keenam-enam peringkat yang diadaptasi dari Model Penaakulan Pedagogi Dan Tindakan Guru (PTPTG) Shulman (1987) itu menjadi penggerak kepada pemantapan PPK guru bahasa Iban. Setiap guru bahasa Iban melalui pengalaman yang berbeza semasa perkembangan pengajaran pada setiap peringkat ini kerana mereka bukan guru yang pengkhususan dalam mata pelajaran Bahasa Iban.

Perkembangan PPK seseorang guru amat dipengaruhi oleh faktor latar belakang pengkhususan guru dan juga pengalaman guru. Latihan dan motivasi yang berterusan seperti yang dikatakan oleh Bloom (1985) dan McClelland (1984) dalam Tam (1999) ternyata telah berjaya memantapkan PPK guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman. Implikasi kajian ini menunjukkan tidak timbul isu guru tidak pandai mengajar bahasa Iban. Pengetahuan isi kandungan dan PPK pengajaran guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman boleh dikembangkan serta dimantapkan melalui latihan secara berterusan.

Teori Shulman 1987 dan 1988 telah meletakkan tujuh pengetahuan asas yang mesti diketahui guru dan Rosnidar Mansor (2011) pula mencadangkan tambahan dua lagi, iaitu sikap dan emosi guru. Sikap dan emosi guru menurut Rosnidar adalah merujuk kepada sikap dan emosi yang ditunjukkan guru semasa menyampaikan pengajaran kepada murid-muridnya. Namun kajian ini mendapati dua aspek lagi yang tidak kurang pentingnya ialah sikap guru terhadap pengajarannya dan inisiatif guru untuk sentiasa mempelajari dan mendalami ilmu pengetahuan bagi tujuan penambahbaikan pengajarannya. Guru yang bersikap positif terhadap pengajarannya sentiasa menganggap setiap masalah yang timbul sebagai cabaran yang harus dihadapi dengan tabah. Oleh itu guru sentiasa berusaha meningkatkan mutu pengajaran agar memberikan hasil yang lebih baik lagi. Inisiatif guru pula usaha seorang guru untuk mendapatkan maklumat terkini, mempelajari ilmu yang boleh menambahkan penguasaan PPK dan berusaha sebaik mungkin untuk menyampaikan ilmu kepada murid untuk diwariskan kepada generasi seterusnya untuk memastikan agar ilmu tersebut terus hidup. Implikasi kajian ini menunjukkan faktor sikap atau keperibadian guru amat mempengaruhi perkembangan PPK guru memandangkan semua guru bahasa Iban bukan guru pengkhususan mata pelajaran Bahasa Iban.

Kajian ini menonjolkan betapa pentingnya seseorang guru dapat mengajar setiap topik secara berkesan kepada murid. Pengajian di peringkat universiti tidak mengajar bakal-bakal guru bagaimana untuk mengajar setiap topik yang terdapat dalam silibus pendidikan yang telah ditetapkan. Pada masa ini, setiap cabang ilmu diajar berasingan dengan ilmu pedagogi. Pedagogi hanya diajar satu semester secara umum kepada semua bakal guru tanpa mengambil kira pengkhususan bakal-bakal guru tersebut. Kajian ini ingin mencadangkan agar semua bakal guru diajar bagaimana untuk mengajar cabang-cabang ilmu yang mereka peroleh semasa di universiti. Misalnya, siswazah yang mengambil kertas morfologi terus diajar atau dilatih bagaimana cara mengajar morfologi dan begitu juga seterusnya dengan kertas-kertas yang lain lagi. Melalui cara tersebut tidak timbul isu guru yang sangat menguasai pengetahuan isi kandungan tetapi kurang berjaya memberi kefahaman kepada murid.

Kajian ini tidak berfokus kepada topik khusus mata pelajaran Bahasa Iban. Oleh itu, kajian lanjutan boleh dilakukan untuk mengetahui pengetahuan pedagogi kandungan guru terhadap topik-topik khusus dalam silibus mata pelajaran Bahasa Iban. Topik khusus yang boleh dikaji seperti bahagian puisi, kosa kata, kefahaman dan penulisan murid. Semasa kajian ini dilaksanakan, belum terdapat guru bahasa Iban yang pengkhususan mata pelajaran Bahasa Iban. Amat elok jika kajian lanjutan untuk mengetahui pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa Iban pengkhususan dalam mata pelajaran Bahasa Iban dapat dijalankan. Kekangan-kekangan yang tidak dapat dielakkan seperti masa, kewangan dan, faktor geografi menyebabkan kajian ini hanya melibatkan guru

bahasa Iban sekolah menengah sahaja. Pengkaji berharap agar pada masa hadapan kajian yang serupa juga boleh dilaksanakan kepada semua guru bahasa Iban sekolah rendah seluruh Sarawak.

RUJUKAN

- Abdul Aziz bin Abd Kadir. 2008. Menentukan komponen-komponen Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) guru biologi matrikulasi. Tesis sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Shatar Che Abd Rahman. 2007. Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral tingkatan 4 di sebuah sekolah. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad Yunus bin Kasim. 2011. *Pengetahuan Pedagogical Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alimuddin Mohd Dom. 2008. 7 Ciri pengajaran berkesan. *Pendidik* 52 : 44-45
- Ball, D.L., Thomas M.H. & Phelps, G. 2007. *Content Knowledge for Teaching: What Makes It Ppecial?* <http://www.personal.umich.edu> [10 Julai 2010].
- Chemaline anak Osup. 2006. Leka main puisi rakyat Iban: Satu analisis bentuk dan fungsi. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Chong Yee Pei. 2000. Tugas guru dan suasana pengajaran pendidikan moral di sekolah. Dlm. *Pengetahuan Kandungan dan Pedagogi Guru Pendidikan Moral Tingkatan 4 di Sebuah Sekolah*, disunting oleh Abdul Shatar Che Abd Rahman. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. <http://dspace.fsktm.um.edu.my> [10 Julai 2010].
- Cox S, 2008. A conceptual analysis of technological pedagogical content knowledge. Doctor of philosophy dissertation. Brigham Young University. <http://contentdm.lib.byu.edu> [10 Julai 2010].
- Elif B Turnuklu & Sibel Yesildere. 2004. The pedagogical content knowledge in mathematics: pre-service primary mathematics teachers' perspectives in Turkey. *IUMPST: The Journal*. <http://www.k-12prep.math.ttu.edu> [10 Julai 2010].
- Grossman, P.L. 1989. A study in contrast: Sources of pedagogical content knowledge for secondary English. *Journal of Teacher Education* 40(5): 24-32.
- Grossman, P.L. 1990. *The Making of the Teacher: Teacher Knowledge and Teacher Education*. New York: Teacher College Press.
- Grossman, P., Wilson, S.M. & Shulman, L.S. 1989. Teacher of substance: Subject matter knowledge for teaching. Dlm *Knowledge Base for Beginning Teacher*, edited by Reynolds, M.C. New York: Pergamon.
- Gudmundsdottir, S. 1991. Pedagogical model of subject matter. Dlm. *Advanced in Research on Teaching 2*: 265-304, edited by Brophy, J. New York: Pergamon.
- Gudmundsdottir, S. 1988. Knowledge use among experienced teachers: four case studies of high school teaching. Dlm Gudmundsdottir. 1990. Values in pedagogical content knowledge. *Journal of Teacher Education* 41(3): 44-52
- Hlas, A. & Hildebrandt, S. 2010. Demonstrations of pedagogical content knowledge: Spanish Liberal Arts and Spanish Education majors' writing. *L2 Journal* 2 (2010): p 1-22. <http://escholarship.org> [10 Julai 2010].
- Ingber, J.D. 2009. *A Comparison of Teachers' Pedagogical Content Knowledge While Planning In and Out of Their Science Expertise*. Place!!! Columbia University.
- Isamudin Rasip. 2008. Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) guru Matematik Tambahan sekolah menengah: Satu kajian kes. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kauchak, D.P & Eggen, P.D. 2007. *Learning and Teaching: Research-based Method*. USA: Pearson Education Inc.
- Kellough, R.D. & Kellough, N.G. 1999. *Secondary School Teaching: A Guide to Methods and Recourses Planning for Competence*. New Jersey: Prentice hall.
- Lambat anak Lindong. 2007. *Sejarah Bahasa Iban di Sekolah di Sarawak*. Unit Bahasa Etnik, Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Lilia Halim & T.Subahan Mohd Meerah. 2002. Science trainee teachers' pedagogical content knowledge and its influence on Physic teaching. *Research in Science & Technological Education* 20(2): 215-260.
- Lilia Halim, Abd Razak Habib, Abd Rashid Johar & T. Subahan Meerah. 2001. Tahap pengetahuan pedagogi kandungan guru pelatih Fizik dan bukan Fizik melalui pengajaran eksplisit dan implisit. *Jurnal Pendidikan* 26: 65-80.
- Magdeline anak Nor. 2008. Sikap pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Iban dan pertaliannya dengan gaya pengajaran guru. Kerta Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- May, M.H.C, Annie, Y.N.C & Sylvia, Y.H.T. 2010. Closing the gap between the theory and practice of teaching: Implications for teacher education programmes in Hong Kong. *Journal of Education for Teaching* 36(1): 91-104.
- Muhamet Usak. 2009. Pre service Science and technology teachers' pedagogical content knowledge on cell topics. *Educational Sciences: Theory and Practice* 9(4): 2033-2046. <http://www.eric.ed.gov> [24 Julai 2010].
- NCTM. 2007. *Supporting the Transition from Arithmetic to Algebraic Reasoning (STAAR)* <http://www.wcer.wisc.edu> [4 Jun 2013].
- Nurul Huda Hassan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof & Kamarulzaman Abdul Ghani. (2010). Pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi tajuk Isim Ai-Adad Wa Al-Ma'dud dalam kalangan guru bahasa Arab sekolah menengah. Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah, Jilid 2002/2010/Bil. 204. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rosnidar Mansor. 2011. Pengetahuan pedagogical isi kandungan (PPIK) guru dan kefahaman konseptual pelajar dalam topik respirasi. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozaiman Makmun, Zamri Mahamod, Noor Izam Mohd Taib & A. Rahman Haron. 2011. Pengetahuan teknologikal pedagogical kandungan kesusasteraan Melayu: Peranan guru sastera dalam SPN 21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(2): 85-98 <http://www.ukm.my/jpbm> [13 Disember 2011].
- Shulman, L. 1987. Knowledge and teaching: foundation of new reform. *Havard Educational Review* 57(1): 1-22.
- Shulman, L. 1992. Ways of seeing, ways of knowing, ways of teaching, always about learning about teaching. *Journal of Curriculum Studies* 28: 93-390.

- Shulman, L.S. 1986. Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher* 15(2): 4-14.
- Solis, A. 2009. Pedagogical content knowledge: what matters most in the professional learning of content teachers in classrooms with diverse student populations. *Intercultural Development Research Association (IDRA) newsletter*. <http://www.idra.org> [10 Julai 2010].
- Tengku Zawawi Tengku Zainal. 2005. Pengetahuan pedagogi isi kandungan bagi tajuk Pecahan di kalangan guru matematik sekolah rendah. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Unit Bahasa Etnik. 2007. Laporan mesyuarat pegawai bahasa Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan/Daerah Kecil: Status pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Etnik di sekolah (Iban, Kadazandusun dan Semai). Holiday Inn Kuching, 6-9 Mei 2007. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Unit Bahasa Etnik. 2010. *Data Bahasa Iban Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Mengikut Daerah di Sarawak*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Veal, W.R. & Makinster, J.G. 1999. Pedagogical content knowledge taxonomies. *Eletronik Journal of Science Education*. <http://wolfweb.unr.edu> [25 Ogos 2010].
- Yusminah Mohd Yusof & Effendi Zakaria. 2010. Investigating secondary mathematics teachers' pedagogical content knowledge: a case study. *Journal of Education and Sociology*. <http://www.lit.az> [10 Julai 2010].
- Yusminah Mohd Yusuf. 2012. Pengajaran dan Pengintegrasian komponen Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PCK) Guru Dalam Algebra. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidah Yazid. 2005. Pengetahuan pedagogikal kandungan guru Matematik Tambahan berpengalaman: Satu kajian kes. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zamri Mahamod. 2004. Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar cemerlang sekolah menengah. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zamri Mahamod. 2012. *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjong Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Magdeline Anak Nor*
Sekolah Menengah Kebangsaan Subis
Miri, Sarawak

Zamri Mahamod
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Malaysia

Pengarang untuk surat-menyurat*; emel: magsmks@yahoo.com

Diserahkan : 1 Disember 2013

Diterima : 3 April 2014

